

JBPM kenal pasti lima negeri berisiko kebakaran hutan



NOR Hisham Mohammad (tengah) semasa sidang media di Kota Bharu, Kelantan semalam. - UTUSAN/
KAMARUL BISMIL KAMARUZAMAN

JBPM kenal pasti lima negeri berisiko kebakaran hutan

Oleh ROSLIZA MOHAMED
utusannews@mediamulia.com.my

KOTA BHARU: Jabatan Bomba Penyelamat dan Malaysia (JBPM) mengenal pasti lima negeri mempunyai kapasiti tanah gambut tinggi yang berisiko untuk berlaku kebakaran hutan sekiranya berlakunya pembakaran terbuka semasa fenomena El Nino.

Ketua Pengarahnya, Datuk Nor Hisham Mohammad berkata, kawasan yang dikenal pasti ialah Rompin, Pekan dan Kuantan di Pahang, Sipitang dan Beaufort di Sabah, hampir keseluruhan Selangor, Johor dan Sarawak.

Katanya, sehubungan itu, JBPM sudah menjalankan koordinasi dengan Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan

Alam Sekitar, dan Jabatan Mineral dan Geosains termasuk pihak ladang di bawah kawal selia pejabat daerah.

“Langkah awal itu bagi memastikan pam, empangan dan paras air berada mengikut keperluan. Kawasan parit juga perlu berada paras iaitu 60 sentimeter.

“Kawasan hutan tersebut yang dikenal pasti melibatkan tanah gambut yang dimajukan dengan keluasan 201,000 hektar,” katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2023 dan Sijil Perkhidmatan 30 Tahun di Hotel Perdana, di sini semalam.

Nor Hisham memberitahu, sehubungan itu semua anggota diarahkan supaya melakukan rondaan khususnya di kawasan

tanah gambut sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan terperangkap dalam kebakaran hutan.

Katanya, selain itu, komuniti setempat perlu bekerjasama dengan JBPM berhubung kebakaran tersebut.

“Berdasarkan perangkaan jenis kebakaran di negara ini, pembakaran hutan merekodkan peningkatan pada tahun lalu dengan 1,291 kes berbanding 692 kes pada 2022.

“Sebanyak 62 kes kebakaran hutan dilaporkan berlaku sepanjang bulan ini.

“Justeru, masyarakat setempat disarankan untuk tidak melakukan pembakaran terbuka terutamanya melibatkan sampah yang boleh memberi kesan kepada semua pihak,” ujarnya.